



TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

Majlis Makan Malam Negeri

Sempena

Mesyuarat Pegawai Kanan Jkr Malaysia 2019

“Jkr Peneraju Infrastruktur Negara”

9 MAC 2019 (SABTU) / 8.00 MALAM

Equatorial Hotel

Pulau Pinang

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis

1. Tuan Yang Terutama

Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas,

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

2. Yang Amat Berhormat

Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

3. Yang Berhormat

Tuan Hj Mohd Anuar bin Mohd Tahir

Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

4. Yang Berhormat

Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman

Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang 1

5. Yang Berhormat

Tuan Zairil Khir Johari

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir

6. Yang Berhormat

Dato' Seri Haji Farizan bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

7. Yang Berhormat

Y.B Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu

Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang

8. Yang Berbahagia

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

9. Yang Berbahagia

Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha

Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia

10. Yang Berbahagia

Ir. Shahabuddin Bin Mohd Muhayidin.

Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pengelola SOC JKR Malaysia 2019

11. Ahli Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2019

12. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

13. Dato'- Dato', Datin-Datin, Pegawai-pegawai Kanan JKR Malaysia

14. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Selamat Malam dan Salam sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya kita berjaya merealisasikan Majlis Makan Malam Negeri sempena Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan (SOC) JKR Malaysia Tahun 2019. Kejayaan ini adalah berkat kerjasama serta dedikasi yang tinggi daripada semua urus setia yang terlibat. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua urus setia yang bersungguh-sungguh dan berusaha bertungkus-lumus mengumpulkan pegawai Kanan JKR bersama pengurusan tertinggi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menjalinkan hubungan persahabatan yang murni serta mengeratkan lagi silaturrahim antara kita. Semoga majlis malam ini memberi manfaat kepada kita semua.

2. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mewakili Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berhormat Tuan Chan Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sudi meluangkan masa serta menaja Majlis Makan Malam pada malam ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya serta delegasi JKR seluruh Malaysia yang turut bersama-sama memeriahkan majlis malam ini.

MESYUARAT SOC 2019

4. Untuk makluman Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berhormat Tuan Chan Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2019 ini akan berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 09 Mac hingga 11 Mac 2019. Program ini mengumpulkan seramai 413 orang peserta yang terdiri dari Pegawai-pegawai Kanan JKR dari pelbagai Cawangan, Negeri, Daerah serta Kementerian lain yang berjawatan Kader. Untuk makluman Tuan Yang Terutama Tun, terdapat empat (4) kertas kerja yang akan dibentangkan pada Mesyuarat kali ini selaras dengan tema kali ini iaitu 'JKR : Peneraju Infrastruktur Negara'.

5. Untuk makluman juga, buat pertama kalinya persidangan pegawai Kanan JKR Malaysia tahun ini diadakan secara sesi parallel. Sesi ini akan melibatkan semua peserta persidangan dan ia bertujuan untuk memperhalusi dan membincangkan tentang hala tuju JKR Malaysia.

6. Semoga segala ilmu pengetahuan, pengalaman dan kepakaran yang dikongsi bersama menerusi sesi ini memberi manfaat dan kebaikan bersama kepada kita semua. Sememangnya kita tidak mampu untuk mengubah masa silam kita. Namun, kita masih ada peluang untuk mengubah masa hadapan kita. Oleh itu, saya menyeru, ambillah tauladan dan pengajaran dari apa yang dilihat dan didengar pada persidangan kali ini, dan seterusnya pertingkatkan kualiti sistem pencapaian dan perkhidmatan yang sedia ada demi kebaikan Jabatan dan rakyat.

Hadirin Hadirat Sekalian,

7. Antara tugas utama JKR adalah mereka bentuk, menasihati proses perolehan, pengawasan pembinaan serta memberi jaminan produk akhir. Saya amat berkeyakinan dan percaya bahawa produk yang dihasilkan oleh JKR adalah berkualiti tinggi, mematuhi spesifikasi dan menggunakan teknologi terkini. Pendekatan yang diguna pakai oleh JKR ini saya percaya dapat menjamin kelestarian jangka panjang produk tersebut. Ini bertepatan dengan tema persidangan tahun ini, 'JKR;

Peneraju Infrastruktur Negara' di mana JKR merupakan agensi pelaksanaan projek dan perunding terbesar negara dalam pelaksanaan projek Kerajaan.

8. Sepanjang sesi mesyuarat berlangsung, terdapat hampir 63 pameran kejuruteraan yang terlibat sempena persidangan pegawai kanan (SOC) JKR 2019. Pameran ini adalah terbuka kepada orang ramai dan merupakan waktu terbaik untuk orang awam mendapatkan info-info dan teknologi terkini dalam industri pembinaan. Secara tidak langsung, ia memberi pendedahan kepada rakyat akan fungsi dan peranan Jabatan Kerja Raya dengan lebih mendalam.

Tuan Yang Terutama, Tun dan tuan-puan sekalian,

POLISI PEROLEHAN

9. Proses perolehan kerajaan kini lebih telus dan berteraskan konsep "value for money", sekaligus dapat mengurangkan ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan. Kerajaan sekarang juga mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan dalam masa yang sama berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada rakyat.

10. Justeru, saya menyeru JKR selaku agensi pelaksana utama Kerajaan agar terus dan sentiasa berusaha memperkukuhkan inisiatif dan melonjakkan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pendekatan yang lebih efektif, sistematik dan berkesan. Saya berkeyakinan bahawa pegawai-pegawai JKR berwibawa dan kompeten untuk merealisasikan hasrat ini dan seterusnya menjadi ***“The Preferred Technical Agency”***.

PELAKSANAAN PROJEK SEMASA DI PULAU PINANG

11. Kerajaan Persekutuan sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan Negeri dan sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk membantu pembangunan di negeri-negeri termasuk di Negeri Pulau Pinang. Dalam perkara ini Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya telah diamanahkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan infrastruktur semasa di Pulau Pinang. Antara projek yang masih dalam pembinaan adalah:

- i. Menaiktaraf Laluan Persekutuan TT001 Dari Persimpangan Permatang Keling, Fasa 5. (RM 109 juta);
- ii. Membina Baru Masjid Jamek Kampung Banggol, Pulau Pinang.

- iii. Menaiktaraf Perpustakaan POLITEKNIK Seberang Prai, Pulau Pinang
- iv. Membina Masjid Jamek Kampung Rawa, Pulau Pinang
- vi. Menaiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau.
- vii. Menyiapkan Kerja Terbengkalai Pangsapuri Kos Sederhana Rendah, Butterworth.
- viii. Projek Klinik Kesihatan KK2 Bandar Perda.

Manakala projek yang telah berjaya disiapkan adalah:

- i. Menaiktaraf Jalan Negeri P10 Dari Batu Maung Ke Jalan Sultan Azlan Shah.
- ii. Menaiktaraf Balai Bomba Kuala Muda, Pulau Pinang.
- iii. Pembangunan Kolej Komuniti Tasek Gelugor,
- iv. Membina dan Menyiapkan Kerja Terbengkalai Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah Sungai Nibong.
- v. Membina Institut Kemahiran Mara, Seberang Prai Utara.

PENUTUP

12. Bagi mengakhiri ucapan, saya menyeru seluruh warga kerja Jabatan Kerja Raya dari setiap peringkat supaya memberikan perkhidmatan terbaik. Peranan kita sebagai penjawat awam pada masa ini sangat mencabar terutamanya dengan lambakan teknologi dan penggunaan media sosial yang meluas. Dunia kini diwarnai dengan 'Perang Persepsi', propaganda dan tohmahan songsang yang dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab di media-media sosial.

13. Justeru, marilah kita bersama-sama menggunakan platform media sosial untuk menularkan perkara-perkara yang membawa kebaikan kepada jabatan dan agensi serta kementerian. Doa saya agar Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya serta seluruh organisasi Kerajaan terus kekal mendapat keyakinan rakyat demi memajukan negara. Mudah-mudahan tahun 2019 ini akan memberi lebih banyak kejayaan kepada Kementerian Kerja Raya dan JKR. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow selaku Ketua Menteri Pulau Pinang mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas kesudian untuk bersama-sama kami memeriahkan Majlis Makan Malam ini.

Makan angin di Pulau Mutiara

Jalan lupa ke Batu Feringi

Mohon maaf tutur dan bicara

Moga kita bertemu lagi

Sekian, terima kasih.